



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
28 NOVEMBER 2018 (RABU)

AKHBAR	MUKA SURAT
The Star	
- Grounds for complaints	01-02
Sinar Harian	
- Bunga tiruan perangkap nyamuk aedes	33
Harian Metro	
- Fiesta 55 Tahun Zoo Negara berlangsung sebulan	34
Berita Harian	
- Projek abai alam sekitar undang bencana	11



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 28 NOVEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Grounds for complaints
Muka Surat	01-02

Star

WEDNESDAY 28 NOVEMBER 2018

Metro

GREATER KLANG VALLEY

(03) 7967 1388 ext 1705/1323/1496 (Editorial)

metro@thestar.com.my

(03) 7966 8388 (Advertising)

(03) 7966 8200 (Classified)

thestar.com.my/metro

facebook.com/starmetro

twitter.com/thestarmetro

Grounds for complaints

Abandoned houses and vacant land in Ampang Jaya not only incur a high cost for the municipal council to clear up but are also a source of mosquitoes and other pests. >2



Taxing task: A team of 10 people was sent by the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) to clear up this abandoned property in Ampang Jaya. — LOW LAY PHON/The Star

KUALA LUMPUR INTERNATIONAL
MOTOR SHOW
'18

#BeyondMobility

23 NOV - 02 DEC 2018

MITEC | KUALA LUMPUR

MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE & EXHIBITION CENTRE

Opening Hours

Weekdays 11am - 10pm Weekends 10am - 10pm

Stand a chance
to drive home
a brand-new car

Perodua Myvi

Toyota C-HR

Honda City

Organiser:



FOLLOW US ON

f klms.com.my

klms18

klms_my

GET YOUR TICKET NOW AT

www.klms.com.my

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

FOR the past 15 years, Mohd Ismail Mohd Marzuki and his family who live in Taman Tun Abdul Razak, Ampang Jaya, have had to put up with fallen tree branches, overgrown vegetation and even snakes slithering into their compound. The reason – an abandoned house adjacent to theirs.

"After the owner died, we thought the house would be sold off or another family would move in.

But, it has remained empty. "It would have been all right if the family maintained the property, but no one has been here to clean it up," he said.

While these may seem like trivial issues, Mohd Ismail said the unkempt house next door was a likely mosquito breeding ground because his two children contracted dengue last year, weeks apart from each other.

"We can see stagnant water in roof gutters and in drains behind the house," said Mohd Ismail whose immediate concern was a tree leaning dangerously towards his house.

His only recourse was to lodge a complaint with the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), hoping for the local authority to step in and help clear the compound of the abandoned house.

Strain on resources

According to MPAJ records, there are over 400 landed properties and 88 vacant lots within the municipality that were unoccupied and left neglected for at least 10 years.

These figures do not include strata properties as this will further inflate the numbers.

MPAJ president Abdul Hamid Hussain said there were numerous reasons why privately-owned properties, often found in neighbourhoods, end up being unoccupied for years. Among them are inheritance issues as well as owners who have emigrated, he added.

Complaints received regarding neglected properties, he said, were taken seriously because of the cascading side effects if ignored.

"When owners continue to ignore our notices to clean up their premises, health issues become a concern as pests and vermin lead to diseases like dengue if we do not step in.

"In hilly areas, it is important for property owners to maintain hill slopes within their boundary.

"So we have to ensure that this is done," he said.

Abdul Hamid said MPAJ could only enter the compound of a property if there was *kacau-ganggu* (disturbance) to residents, but the local authority had no legal right to step into the houses.

"Once we receive a complaint, a team will be sent to verify the information.

"We will also have to identify the property owner and issue a 14-day notice to the homeowner to clean up the compound.

"If there is no action or if the owners cannot be traced, then the council will send in a team to clear the premises," he said.

Abdul Hamid said the cost for cleaning would be reflected on the property owners' assessment bill.

Notices issued fall under Section 82 of the Local Government Act 1976, and compounds of up to RM500 can be issued for failure to comply.

However, Abdul Hamid said MPAJ has not been able to recoup the arrears as most of property owners could not be traced.

Clearing premises of abandoned lots a costly affair

Ampang Jaya council spent at least RM145,000 this year to clear overgrown vegetation at properties left unattended



MPAJ personnel are called to clear the compound of this abandoned house in Ampang Jaya as it is a potential breeding ground for mosquitoes.

Privately-owned properties classified abandoned in Ampang Jaya



Zone	Vacant lots (units)	Abandoned houses (units)
Hulu Kelang	17	75
Bukit Antarabangsa	16	95
Cempaka	31	80
Lembah Jaya	13	80
Teratai	11	70
Total	88	400

Source: Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ)

He estimated that the arrears from abandoned houses and vacant lots amounted to over RM1mil.

"On top of that, we have to use taxpayers' money to clean these houses," he said, adding that it was no easy feat to track down the owners as most do not leave forwarding addresses.

To tackle these type of cases, MPAJ set up a Task Force Tunggakan Cukai, where part of its duties is to identify and track down tax defaulters.

The committee will also help to trace owners of abandoned houses so that notices can be served.

Based on complaints received, the council has cleared 145 properties this year alone.

This included cutting overgrown vegetation and trees as well as clearing debris.

The task force comprises various departments within MPAJ including the Assessment and Property Management Department.

During a recent operation at two abandoned houses in Taman TAR,



Ku Ariffin says it takes MPAJ's teams half a day to clear a single property depending on its condition. Three months later, MPAJ will come back and clear the compound again.

MPAJ Solid Waste Management and Public Cleansing Department assistant Ku Ariffin Ku Dir said it took the teams half a day to clear a single property depending on its condition.

"After three months, we will still have to come back and clear the compound again," he said.

Ku Ariffin said MPAJ spent an estimated RM1,000 to clear up a premises.

Far-reaching impact

The municipality's population has doubled over the past two decades, making housing a huge



Abdul Hamid said complaints received regarding neglected properties are taken seriously because of the cascading side effects if ignored.

demand.

Although Ampang is spread over 14,350ha, almost 50% of its land mass is forest reserve.

Much of the land also comprised Class 3 and Class 4 hill slopes with high geotechnical risks.

As such, residential properties which are for sale or for rent, are in high demand.

Abdul Hamid hoped property owners would consider selling or renting their properties instead of leaving them to rot.

"It is a burden for the council and the neighbours when these properties are left unattended," he said.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 28 NOVEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bunga tiruan perangkap nyamuk aedes
Muka Surat	33



KRT Pandan Mewah bergambar bersama Alice (duduk, tengah). SH 28/11/18 MS 33

Bunga tiruan perangkap nyamuk aedes

PANDAN INDAH - Penduduk di sekitar Pandan Mewah, di sini, berpeluang menggunakan bunga tiruan atau dikenali sebagai MosqTrap, ia merupakan produk mesra pengguna, selamat dan efektif membunuh nyamuk aedes.

Pengerusi Permuafakatan Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor, 60 orang yang hadir pada program Pencegahan Denggi anjuran Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Alice Tan bersama KRT Pandan Mewah, berpeluang menghasilkan produk Mosqtrap.

"Objektif program ini adalah kita mendidik Masyarakat mengawal pembiakan nyamuk aedes melalui kaedah MosqTrap," katanya kepada pemberita, di sini.

Beliau berkata, kos penyediaannya dianggarkan RM30 termasuk untuk pasu dan bunga plastik serta span, air yang dicampurkan dengan serbuk abate bagi membunuh jentik-jentik.

"Kemudian bekas pasu itu akan diletakkan di tempat bersesuaian, bunga tiruan ini dipercayai dapat menjadi tarikan kepada nyamuk aedes," katanya.

Abd Haffidz berkata, program itu mampu memberi kesedaran tanggungjawab masyarakat membendung wabak denggi.

"Tindakan proaktif MPAJ dengan Pendekatan membantu mengawal pembiakan dari terus mengenakan saman adalah langkah bijak untuk dapat kerjasama masyarakat," katanya.

Menurutnya, dua tahun lalu kawasan tersebut antara lokasi dikenal pasti sebagai 'hotspot' denggi.

"Saya difahamkan 14 kes denggi dilaporkan pada ketika itu, namun kes denggi di kawasan ini semakin berkurangan.

"Bagaimanapun langkah pencegahan perlu dipertingkatkan agar kes tidak berulang," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 28 NOVEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Fiesta 55 Tahun Zoo Negara berlangsung sebulan
Muka Surat	34



DARI kiri, Pengarah Zoologi, Hospital, Veterinar dan Pusat Konservasi Giant Panda, Dr Mat Naim Ramli, Hafidz, Pengerusi Pemasaran & Perhubungan Awam Zoo Negara, Zarina Idris, Timbalan Presiden Malaysian Zoological Society (MZS), Rosly @ Rahmat Ahmat Lana memperkenalkan Fiesta 55 Tahun Zoo Negara yang akan berlangsung Disember ini.

Fiesta 55 Tahun Zoo Negara berlangsung sebulan 4M 28/11/18
MS 34.

Kuala Lumpur: Zoo Negara akan mengadakan program Fiesta 55 Tahun pada Disember ini sempena ulang tahunnya yang ke-55.

Pengerusi Kebajikan Haiwan & Khidmat Pelanggan Zoo Negara Hafidz Rahmat berkata, fiesta itu akan berlangsung selama sebulan.

Ia juga bertepatan dengan cuti semester persekolahan yang membolehkan seisi keluarga menyertai aktiviti yang sudah diatur.

Antara programnya, Pelancaran LED Billboard Zoo Negara, Pertandingan Foto Explorers, Festival Makanan dan Kebudayaan Negeri Selangor 2018, Zoo Negara Xplorace, Zoo Negara Run Fun dan cabutan bertuah.

“Zoo Negara Xplorace yang julung kali diadakan menggabungkan konsep Fear Factor dan Treasure Hunt di mana peserta bukan sahaja boleh menikmati keindahan dan kehijauan persekitaran zoo tetapi juga dibenarkan untuk memegang tumbuhan dan haiwan.

“Ini pastinya menjadi aktiviti menarik untuk kanak-kanak belajar menghayati alam sekitar,” katanya pada sidang media kelmarin.

Hafidz berkata, acara itu akan diadakan pada 22 Disember, jam 7 pagi hingga 10.30 pagi.

Pertandingan itu dibahagikan kepada kategori terbuka dan korporat. Yuran penyertaan masing-masing ialah RM300 dan RM1,000 yang sudah termasuk tiket masuk ke zoo iaitu RM43.

Katanya, peserta boleh terus bersantai di zoo sehingga petang.

“Pemenang bagi kedua-dua kategori untuk tempat pertama hingga ketiga akan menerima hadiah wang tunai,” katanya.

Zoo Negara Fun Run pula lebih kepada larian riadah.

Menurut Hafidz, satu lagi acara yang pasti menjadi tarikan ramai ialah Pertandingan Fotografi Explorers ‘Harimau Malaya’ yang menawarkan hadiah wang tunai RM5,555.55.

Pemenang akan diumumkan pada hari sama.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan mengirimi e-mel ke zoo fiesta@zoonegaramalaysia.my atau www.zoonegaramalaysia.my.

Fiesta itu akan dirasmikan Menteri Besar Selangor Amirudin Shari.

FAKTA
Pertandingan Fotografi Explorers ‘Harimau Malaya’ menawarkan hadiah wang tunai **RM5,555.55**



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 28 NOVEMBER 2018 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Projek abai alam sekitar undang bencana
Muka Surat	11

BH, Rabu, 28 November 2018

Ms.11

→ ISU

Projek abai alam sekitar undang bencana

Komentar



Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo
Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM & Prof Kunjungan GEOTROPIK-UTM

Musim hujan tahun ini muncul lebih awal daripada biasa. Mulai Oktober lalu, hujan hampir setiap hari dan banyak kawasan dilanda banjir dan banjir kilat.

Walaupun Monsun Timur Laut bermula Oktober dan berakhir Mac setiap tahun, hujan lebat berterusan lazimnya hanya bermula pada Disember dan Januari.

Iklim boleh diramal berdasarkan maklumat tahun-tahun sebelumnya, namun keadaan sebenar dan impaknya di sesuatu kawasan masih sukar dipastikan. Tahun ini, hujan lebat menyebabkan banjir kilat di banyak kawasan, terutama di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Pada 14 November lalu, hujan lebat sejak jam 5 petang mengakibatkan banjir kilat di Kota Damansara, Sungai Buluh dan Rawang.

Pada 20 November pula, hujan berterusan sejak pagi menyebabkan beberapa kawasan di Pulau Pinang, antaranya Bayan Lepas, Teluk Kumbar, Sungai Ara, Teluk Bahang dan Sungai Pinang di Lapik Pulau, dilanda bencana sama.

Berita begini tidak asing lagi bagi rakyat Malaysia. Hujan lebat diikuti banjir kilat telah diangap lumrah dan seakan tiada jalan penyelesaian.

Hujan lebat juga pencetus fenomena tanah runtuh. Dalam kejadian terbaru, empat terkorban dan beberapa cedera parah akibat bencana berkenaan di tapak projek Lebuh raya Berkembar Bukit Kukus, Pulau Pinang.

Sebelumnya, banyak peristiwa tanah runtuh setiap kali hujan lebat berterusan di sesuatu kawasan. Jika ia tidak mengorbankan nyawa, memusnahkan harta benda atau mengganggu ketenteraman awam, peristiwa ini tidak menjadi bahan berita.

Bencana tidak berkurang
Malaysia berdepan tiga bencana alam utama, iaitu banjir, banjir kilat dan tanah runtuh. Walaupun banyak usaha mencegah dan mengurangkan risiko bencana dilaksanakan oleh agensi kerajaan, ia masih tidak berkurang dan impaknya kelihatan semakin bertambah.

Membandingkan risiko bencana alam pada peringkat global, Malaysia seharusnya boleh mewujudkan dasar 'bencana alam sifar' kerana hampir semua bencana boleh dihindar dengan kemampuan ilmu dan teknologi sedia ada.

Banjir sungai atau banjir besar berlaku dalam tempoh lima hingga 10 tahun sekali, lazimnya di sungai utama seperti Sungai Kelantan, Sungai Pahang, Sungai Perak, Sungai Muar, Sungai Kinabatangan dan Sungai Batang Rajang.

Banjir berlaku secara berkala apabila curahan hujan melampaui keupayaan alur sungai mengalirkan air ke laut. Air sungai akan naik dan melimpahi tebing serta membentuk dataran banjir.

Dalam perancangan guna tanah, kita telah mengenal pasti kawasan dataran banjir dan lazimnya dibariskan dalam keadaan tabii atau dijadikan kawasan pertanian.

Dalam keadaan begini, setiap kali banjir sungai berlaku, tiada kehilangan nyawa atau kerosakan harta benda. Mungkin jika banjir besar hasil tanaman pada tahun terabit berkurangan.

Hari ini, kawasan dataran banjir dibangunkan sebagai kawasan perumahan. Tanpa mengambil kira, peristiwa banjir lepas, rumah teres satu tingkat dibina di atas tanah dan jika air naik beberapa sentimeter sahaja, air masuk ke rumah.

Walhal, orang dahulu sudah pandai membina rumah di atas tebing bagi menghindar banjir.

Setiap kali banjir, semua harta benda dalam rumah musnah ditenggelami air. Apakah ini bencana alam atau kelapasan manusia sendiri?

Banjir kilat berlaku di kawasan pesat membangun, khususnya di bandar yang terletak di dataran rata. Pembangunan dan turapan permukaan bumi tanpa diikuti penyediaan sistem saliran yang mencukupi akan menyebabkan banjir kilat.

Limpahan air hujan yang banyak ketika hujan lebat menyebabkan rumah berhampiran perparitan dan jalan raya ditenggelami air secara mendadak.

Walaupun berlaku untuk tempoh beberapa jam sahaja, impaknya terhadap kerosakan harta dan keselamatan lalu lintas amat tinggi.

Banjir kilat tidak seharusnya berlaku jika sistem saliran direka bentuk dengan baik dan penjagaan dilakukan secara berkala. Banjir kilat sudah menjadi sangat lumrah, setiap kali hujan lebat ada sahaja kawasan mengalami banjir.

Masalah sistem perparitan punca banjir kilat

Banjir kilat sudah menjadi isu kronik di bandar raya Kuala Lumpur. Anehnya, jika ditinjau di kawasan yang kerap mengalami bencana itu, ia sering dikaitkan dengan sistem perparitan yang terlalu kecil, parit tersumbat atau ada projek pembangunan baharu di kawasan berhampiran.

Semua ini berkait rapat dengan kelemahan perancangan, kelulusan projek dan penjagaan. Ini pastinya bukan bencana alam.

Bencana tanah runtuh pula paling banyak meragut nyawa. Di negara kita, kebanyakan tanah runtuh berlaku pada cerun buatan, iaitu cerun potongan, tambakan atau cerun kejuruteraan, bukannya pada cerun tabii.

Pada prinsipnya, semua cerun buatan perlu dibina dalam keadaan selamat kerana ia direkabentuk selepas mengambil kira semua faktor kestabilan cerun.



Malangnya, kebanyakan kegagalan cerun di Malaysia berlaku pada cerun buatan bukan kejuruteraan, kesiapan dalam rekabentuk, pembinaan cerun yang tidak mengikut spesifikasi atau akibat penjagaan cerun lemah.

Demi keselamatan awam, semua punca kegagalan ini tidak boleh diterima dan bukannya didorong oleh faktor tabii.

Malaysia berdepan curahan hujan sepanjang tahun dan kadar yang tinggi pada musim tengkujuh. Negara mempunyai data yang baik mengenai fenomena ini.

Iklim atau hujan semenangnya pencetus banjir, banjir kilat dan tanah runtuh, namun ia tidak boleh dijadikan alasan berlakunya bencana alam.

Kita perlu mengenal pasti faktor penyebab penting dan meningkatkan etika serta profesionalisme dalam perancangan, kelulusan dan pembangunan projek, terutama apabila berkaitan keselamatan awam.



Masalah banjir kilat serta kejadian tanah runtuh di tapak projek dipercayai antara bencana berpunca daripada fenomena hujan lebat namun bencana seperti ini dapat dielak jika projek pembangunan diurus dengan penuh profesional dan beretika.